



**SEJURUS:** Walaupun daripada pelbagai perguruan, pesilat-pesilat ini dapat menunjukkan jurus silat yang padu dan menarik semasa latihan.

## 5,000 tunjuk gaya pertahanan diri bersama

MEREKA bukan saja terdiri daripada berbagai-bagai perguruan malah daripada pelbagai jenis seni mempertahankan diri.

Tetapi semuanya menjurus dan mengelak dengan gigit untuk menayakan Pertunjukan Perpaduan Seni Pertahanan Diri dan Qigong Nasional yang pertama kali dianjurkan oleh Persatuan Rakyat (PA).

Pertunjukan itu yang dipersembahkan oleh lebih 5,000 orang peserta mewakili 13 pertubuhan akan diadakan di Stadium Toa Payoh pada Ahad ini. Turut mengambil bahagian lima perguruan silat se-

bahkan jurusan seni dan olah-raga mereka, tetapi diselenggarakan dalam satu persembahan yang bersambung.

Dalam persembahan lapan minit itu, anda boleh menyaksikan pencak silat Sunda yang lembut bersama-sama dengan silat yang rancak dan cergas seperti Esha, Alhak, Seligi Tunggal dan Gayung.

Selain daripada silat, 12 persembahan lain ialah kalari pa-yat, selambattan, tajiquan, judo, karate, singaqaun, waidan-gong, taekwondo, seni batin, qigong shi ba shi, tarian naga dan Singapore Zhongheqaun.

Dalam pertunjukan dua jam mulai 5 petang itu, setiap kum-

pulan akan mempersembahkan satu seni pertahanan diri yang beridentitikan Singapura.

Dikenali sebagai Singaqaun, ia adalah gabungan lapan buah pergerakan seni mempertahankan diri yang dipraktikkan oleh kumpulan berbilang kaum.

Untuk mengautkan identiti kesingapuraannya, acara ini diiringi dengan lagu *Stand Up For Singapore*.

Timbalan Presiden Pertama Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Rahim Dayan, kelmarin memberitahu:

"Ini menunjukkan bahawa silat walaupun dari perguruan yang berbeza dapat dipadukan untuk disajikan dalam persem-

bahan yang menarik. Yang per-lu hanya penyelarasan."

Seramai 135 peserta silat — daripada yang muda lapan tahun sehingga 22 tahun — telah dilatih oleh dua guru. Mereka ialah Encik Suib Selamat (Perguruan Silat Esha) dan Encik Hosni Ahmad (Perguruan Silat Alhak).

Encik Suib, 59 tahun, berka-ta beliau dan Encik Hosni ha-nya mengambil 16 jam untuk melatih ahli-ahli tersebut.

Katanya: "Tidak ada masa-lah mengadakan latihan sebab mereka berlatih sendiri di ba-wah guru masing-masing. Kami hanya menyusun-atur persila-tannya."